

# Menjaga kebajikan haiwan tanggungjawab bersama

**Konsep** menjaga kebajikan haiwan adalah satu konsep yang agak asing bagi kebanyakan penduduk negara ini. Jika dibandingkan dengan negara Barat yang agak terkehadapan dalam memperjuangkan hak-hak asasi haiwan dan kebajikannya, negara kita sebenarnya baru sahaja memperkenalkan konsep berkenaan.

Mungkin ramai dalam kalangan kita tidak pasti apakah yang dimaksudkan dengan terma berkenaan. Menurut konsep teras dalam kebajikan haiwan yang berdasarkan dari kenyataan akhbar *UK Farm Animal Wel-*

*fare Council* pada 1979, kebajikan haiwan hanya dicapai apabila lima aspek kebebasan asas dipenuhi.

## **Haiwan berhak menikmati kehidupan, layanan baik**

Kebebasan itu merangkumi bebas daripada sakit dan kecederaan atau penyakit; bebas daripada lapar dan dahaga; bebas daripada ketidakselesaan; bebas daripada ketakutan dan kesusahhan serta bebas untuk memamerkan kelakuan normal atau tingkah laku lazim.

Seperti manusia, haiwan juga berhak untuk menikmati kehi-

dupan yang baik dan menerima layanan yang sewajarnya. Amat menyedihkan apabila ada kes haiwan yang didera secara fizikal dan psikologi oleh manusia di negara yang bertamadun ini.

Walaupun pelbagai kempen dilaksanakan untuk memupuk kesedaran awam mengenai kepentingan memelihara kebajikan haiwan, hasilnya tidak membe-rangsangkan.

Sudah tiba masanya untuk tindakan yang lebih tegas diambil ke atas pelaku dera yang terbabit. Demi memperjuangkan hak haiwan yang dipelihara atau diter-

nak secara amnya mahupun yang didera secara khususnya, kerajaan telah mewartakan Akta Kebajikan Haiwan atau Akta 772 pada 2015.

## **Hukuman lebih keras**

Antara lain, hukuman yang lebih keras menanti pelaku dera jika dia disabit kesalahan. Akta berkenaan juga amat menyeluruh dan merangkumi pelbagai aspek penjagaan dan perlindungan untuk haiwan serta penalti ke atas pemelihara, penternak serta pendera haiwan jika mereka disabitkan kesalahan.

Menariknya, akta itu turut me-

netapkan perlindungan kebajikan haiwan makmal sehinggalah haiwan ternakan dan perkara ini adalah penambahbaikan Akta Binatang 1953 (Semakan 2006) yang ada sekarang.

Diharapkan dengan pelaksanaan Akta Kebajikan Haiwan 2015, jumlah kes penganiayaan terhadap haiwan di negara ini akan berkurangan.



**Dr Wan Mastura Shaik  
Mohamed Mossadeq,**

Jabatan Sains Praktikal  
Veterinar, Fakulti Perubatan  
Veterinar, UPM